

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RMK 251 - PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN 1 (Wajib)** dan **TIGA** soalan lain.

1. "Malaysia pada asasnya adalah sebuah negara *common law* dan kini masih mewarisi tradisi *common law*. Perkembangan baharu dalam undang-undang kes di England masih diberi perhatian penting. Akta Undang-Undang Sivill, 1956 mewajibkan penerimaan pakai undang-undang Inggeris apabila terdapat kekosongan atau *lacuna* dalam undang-undang Malaysia".

Dipetik dari "Undang-Undang Komersil Malaysia" oleh Shaik Mohd. Nor Alam S.M. Hussain, (1995, halaman 1; K. Lumpur: DBP)

Apakah yang dimaksudkan oleh penulis?

(25 markah)

2. Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bidang kuasa kehakiman dan mahkamah-mahkamah di Malaysia. Huraikan perkara ini dan nyatakan perhubungan di antara mahkamah-mahkamah tersebut.

(25 markah)

3. a) "*Ignorantia judicata non excusat*".

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan ini?

(ii) Kenapakah anda mesti mengambil tahu tentang beberapa undang-undang yang terbabit secara langsung dengan perumahan, bangunan dan perancangan?

(15 markah)

- b. Perkara 92 Perlembagaan Persekutuan memperkatakan tentang "Rancangan Pembangunan Negara".

Apakah yang dimaksudkan dengan terma ini?

(10 markah)

4. Penemuan minda dalam konsep tawaran-penerimaan menjadi asas kepada mahkamah dalam menentukan pembentukan sesuatu kontrak. Bincangkan.

(25 markah)

5. Apakah yang anda faham dengan "*Quantum Meruit*"? Dengan memberikan 2 contoh kes-kes yang telah diputuskan, bincangkan kes-kes tersebut berlandaskan konsep ini.

(25 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan "tort"? Dapakah alasan "*volenti non fit injuria*" dijadikan sebagai hujah rayuan untuk menolak sesuatu kes tort?

(25 markah)

-ooo00ooo-